



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuhraya Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**

Tel. : **03-8870 0015**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
Twitter : twitter.com/SPRMMalaysia
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

SPRM BUKA CAWANGAN BAHARU DI MERSING, JOHOR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka pejabat cawangan baharu di Mersing dalam usaha memperluas perkhidmatannya sekali gus mempermudah masyarakat setempat berurusan dengan Suruhanjaya ini.

Perasmian pejabat cawangan baharu yang mula beroperasi sejak 1 Januari lalu itu disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dato' Sri Hj. Azam Baki, hari ini.

Pejabat cawangan Mersing itu terletak di Bangunan JKR 290, Jalan Ibrahim, 86800 Mersing, Johor.

Pejabat berkeluasan 207.68 meter persegi itu dilengkapi dengan bilik mesyuarat, bilik merakam kenyataan dan surau selain ruang kerja bagi menempatkan seramai empat warga SPRM.

Sehubungan itu, orang ramai yang ingin menyalurkan sebarang maklumat berkaitan rasuah atau salah guna kuasa boleh hadir ke pejabat berkenaan atau menghubungi talian 07-7994400.

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

25 FEBRUARI 2024

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Kamaruddin M. Ripin (03-88700016) atau Jules Rahman Ong (03-88700219)

Bahagian Komunikasi Strategik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggabungan Akta SPRM 2009 (Akta Pencegahan Rasuah Malaysia) untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).

MACEC